

Newspaper	Berita Harian
Date	9 July 2015

PM puas hati kejayaan Kementerian Pendidikan

Bangi: Datuk Seri Najib Razak berpuas hati dengan pencapaian dan kejayaan Kementerian Pendidikan dalam meneruskan kesinambungan perjuangan memajukan bidang pendidikan negara.

Perdana Menteri berkata, sebahagian daripada dasar dan inisiatif yang beliau perkenalkan ketika menjadi Menteri Pendidikan turut diteruskan oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin yang menyandang jawatan itu sekarang.

Beliau berkata, Timbalan Perdana Menteri juga berjaya mengangkat martabat bidang pendidikan negara ke tahap lebih tinggi.

"Kebajikan guru yang sentiasa diberikan penekanan oleh saya. Dahulu, lulusan

maktab perguruan mendapat diploma pendidikan apabila menamatkan pengajian dan masuk ke perkhidmatan perguruan dengan Gred DG32.

"Bagaimanapun, hari ini lulusan bukan dari maktab, tapi Institut Perguruan (IPGM) yang mempunyai kelulusan lebih tinggi memasuki perkhidmatan bermula pada Gred DG41.

Kualiti guru lebih baik

"Sebab itulah dari segi masa depan pendidikan negara kita boleh lihat bahawa perancangan kita akan membuahkkan hasil dan kualiti guru pelatih hari ini jauh lebih baik berbanding dahulu.

"Perkhidmatan disediakan juga termasuk perjawatan, pe-

luang kenaikan pangkat, kenaikan pangkat berasaskan tempoh perkhidmatan dan guru super," katanya ketika berucap pada Majlis Iftar Perdana Menteri bersama Warga Pendidik di IPGM Kampus Pendidikan Islam Bangi, di sini semalam.

Yang turut hadir ialah Muhyiddin dan isterinya Puan Sri Norainee Abdul Rahman; Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh dan dua Timbalan Menteri Pendidikan, iaitu Datuk P Kamalanathan dan Datuk Mary Yap Kain Ching.

Bantuan RM25 juta

Pada majlis itu Najib turut menyampaikan bantuan kewangan sebanyak RM25 juta ke-

pada Sekolah Agama Rakyat (SAR) dari seluruh negara. Najib dan Muhyiddin juga menyampaikan sumbangan duit raya kepada 80 pelajar tujuh sekolah rendah yang menjadi penerima bantuan tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) sekitar Kajang dan Bangi.

Terdahulu Muhyiddin dalam ucapannya berkata, kerajaan amat prihatin dengan keperluan pendidikan Islam kepada masyarakat.

Sehubungan itu, sebanyak RM25 juta dana disediakan kepada SAR di seluruh negara.

Najib dan Muhyiddin menuaikan solat Maghrib diikuti solat sunat tarawih bersama warga pendidik di Masjid Imam As-Shafie.